

**PENERAPAN UNSUR-UNSUR ISLAM AQIDAH,  
SYARIAH DAN TASAWWUF DALAM NOVEL  
*MAHABBAH, AYAT-AYAT CINTA DAN DUNIA*  
*BUKAN KITA PUNYA BERDASARKAN*  
**TEORI TAABUDIYAH DAN  
TEKSDEALISME****

**MA'AMOR BIN YUSOFF**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**2016**

## ABSTRAK

Kajian ini membicarakan tiga buah daripada tiga orang pengarang iaitu *Mahabbah* karya Shahon Ahmad, *Ayat-Ayat Cinta* karya Habiburrahman El-Shirazy dan *Dunia Bukan Kita Punya* karya Suratman Markasan. Kajian ini adalah bertujuan untuk melihat penerapan unsur-unsur Islam dan mutu serta keunggulan karya-karya tersebut. Bagi mencapai tujuan kajian, pengkaji telah menggunakan dua teori secara elektikal atau penggabungan iaitu teori taabudiyah sebagai teori induk dan teori teksdealisme sebagai teori sokongan. Untuk melihat unsur-unsur Islam yang terkandung di dalam teks kajian, pengkaji menggunakan teori taabudiyah manakala untuk melihat mutu dan keunggulan teks, pengkaji menggunakan teori teksdealisme. Hasil daripada kajian, pengkaji mendapati bahawa sastera Islam ialah hasil kesusasteraan yang bernilai Islamiah. Ia adalah merupakan gambaran yang ditimba daripada masyarakat dan bertujuan untuk memberi didikan serta bimbingan ke arah menghayati nilai-nilai yang lebih sempurna. Justeru itu dalam pembicaraan teks sastera Islam unsur-unsur, pemikiran dan juga pengajaran yang terkandung di dalamnya haruslah tidak menyimpang daripada dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Hadis. Di sini dapat ditemui bahawa unsur-unsur sastera Islam itu merangkumi aspek aqidah, syariah dan tasawwuf. Ia harus dapat mengarahkan kepada pembentukan moral dan berpaksikan kepada tauhid lantaran falsafah ini adalah merentasi segala aspek dan ruang lingkup keilmuan Islam. Dalam novel-novel kajian, pengkaji dapat menemui unsur-unsur tersebut. Hasil daripada kajian juga didapati pemikiran penting yang cuba disampaikan oleh pengarang-pengarangnya ialah tentang keagamaan, kemasyarakatan, dakwah dan perjuangan. Di samping itu juga hasil kajian ini telah membuktikan karya-karya ketiga-tiga pengarang tersebut memiliki sifat-sifat unggul kerana telah mematuhi prinsip-prinsip teori teksdealisme iaitu prinsip kehadiran, perlenggaran dan pengukuhan. Keunggulan karya-karya mereka turut mengungguli diri mereka sehingga memperlihatkan kepengarangan atau keperibadian berdasarkan prinsip individualisme. Karya-karya mereka memperlihatkan sifat pengarang yang berani dan bijaksana dalam mengemukakan idea yang baru dan mempunyai kelainan. Kedewasaan dan kematangan dalam berkarya diperlihatkan melalui pemikiran, watak dan aliran yang sentiasa mendapat peneguhan mereka sehingga menjelaskan keperibadian pengarang-pengarangnya sendiri.

## ABSTRACT

This research discusses three novels from three authors namely *Mahabbah* written by Shahnon Ahmad, *Ayat-Ayat Cinta* by Habiburrahman El Shirazy and Suratman Markasan's *Dunnia Bukan Kita Punya*. The objective of this research is to identify the application elements as well as quality and credibility of works mentioned. In order to achieve these objectives, the researcher applied two electrical theories or a combination of *taabudiyah* theory as the primary theory and *teksdealisme* theory as the secondary theory. *Taabudiyah* was used to observe the Islamic elements in the texts researched and *teksdealisme* was used to observe the quality and credibility of the text. As a result, researcher concluded that Islamic literature is a result of literature with Islamic values. This is a picture derived from the society and is aimed to educate as well as a guidance for them to embrace the values better, discussion on Islamic literature shows that the elements, ideas and teaching contained in the texts should not deviate from the two primary sources; *al-Quan* and *al-Hadis*. It is found that elements of Islamic literature cover aspects of *aqidah*, *syariah*, and *tasawwuf*. It should be able to lead to moral development which revolves around *tauhid* hence being the philosophy that crosses all aspects and scope of Islamic teaching. Researcher found those elements in the novels mentioned. Results of the research show the important ideology that the authors were conveying revolves around religion, society, preach and struggle. This research also proved that all three writing by these authors have the excellence because they agreed to the principles of *teksdealisme* theory which are presence, collision and reinforcement. The works' credibility also excelled themselves by the existence of authorship or personality based on the individualism principle. Their works shown intelligent and brave authorship which adduce new and unique ideas. The maturity of the work was shown through the thinking, characters and flow of the plot which were always reaffirmed and overbodies the authors character.

## KANDUNGAN

	Halaman
<b>PENGAKUAN</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>ABSTRAK</b>	iii
<b>ABSTRACT</b>	iv
<b>KANDUNGAN</b>	v

## BAB 1 PENGENALAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	6
1.3	Penyataan Masalah	11
1.4	Objektif Kajian	12
1.5	Soalan Kajian	12
1.6	Batasan Kajian	13
1.7	Kepentingan Kajian	14
1.8	Kaedah Kajian	14
1.8.1	Kaedah Kajian Perpustakaan	15
1.8.3	Kaedah Analisis Kandungan Teks	16
1.9	Teori Kajian	17
1.10	Definisi Operasional	19
1.10.1	Sastera Berunsur Islam	19
1.10.2	Akidah	20
1.10.3	Syariah	21
1.11	Sumber Utama Dalam Sastera Berunsur Islam	22
1.11.1	Al-Quran	22
1.11.2	Hadis	23

## BAB 2 KAJIAN LITERATUR



2.1	Pengenalan	24
2.2	Tinjauan Literatur	25
2.3	Rumusan	40

### **BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	42
3.2	Teori Taabudiyah	43
3.2.1	Prinsip Teori Taabudiyah	48
3.3	Teori Teksdialisme	51
3.3.1	Prinsip-Prinsip Teori Teksdialisme	52
3.4	Kerangka Teori	58
3.5	Hasil Kajian	59
3.5.1	Aqidah	60
3.5.2	Syariah	66
3.5.3	Tasawwuf	70



### **BAB 4**



### **PENERAPAN UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM NOVEL NOVEL KAJIAN BERDASARKAN PRINSIP-PRINSIP TEORI TAABUDIYAH**



4.1	Pengantar	73
4.2	Aqidah Islamiah	75
4.2.1	Percaya dan Yakin Akan Adanya Allah	82
4.2.2	Percaya dan Meyakini Akan Adanya Malaikat	184
4.2.3	Percaya dan Yakin Akan Adanya Rasul Allah	187
4.2.4	Percayadan Yakin Akan Kitabullah	193
4.2.5	Percayadan Yakin Akan Adanya Alam Akhirat	199
4.2.6	Meyakini Akan Adanya Qada dan Qadar	206
4.3	Syariat Islam	209
4.3.1	Syariat Islam Dalam Novel-Novel Kajian	209





4.4	Tasawwuf Islam	258
4.4.1	Tasawwuf Islam Dalam Novel-Novel Kajian	259
<b>BAB 5</b>	<b>KEPENGARANGAN DAN PENERAPAN UNSUR-UNSUR ISLAM DALAM NOVEL-NOVEL KAJIAN BERDASARKAN TEORI TEKSDEALISME</b>	285
5.1	Pengantar	285
5.1.1	Prinsip Kehadiran	286
5.1.2	Prinsip Perlanggaran	288
5.1.3	Prinsip Pengukuhan	290
5.1.4	Prinsip Individualisme	291
5.2	Prinsip Kehadiran Dalam Novel-Novel Kajian	292
5.3	Prinsip Perlanggaran Dalam Novel-Novel Kajian	341
5.3.1	Perlanggaran Aliran	343
5.3.2	Perlanggaran Teknik Penceritaan	347
5.3.3	Perlanggaran Watak	356
5.4	Prinsip Pengukuhan	357
5.4.1	Prinsip Pengukuhan Dalam Novel-Novel Kajian	358
5.5	Prinsip Keperibadian	386
5.5.1	Prinsip Keperibadian Dalam Novel-Novel Kajian	387
5.6	Kesan dan Pengaruh	405
<b>BAB 6</b>	<b>RUMUSAN DAN DAPATAN CADANGAN</b>	414
	<b>RUJUKAN</b>	422



## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Kesusasteraan menghidangkan teks dengan susunan ayat menerusi kata-kata yang indah, memperkatakan sesuatu daripada kepelbagaiannya aspek kehidupan masyarakat yang melahirkannya. Kesusasteraan amat intim dengan masyarakat kerana merakamkan berbagai-bagai detik pengalaman dan denyut kehidupan segala mikro kosmos yang wujud dalam masyarakatnya itu (Sahlan Mohd Saman & Shaiful Bahri Md. Radzi, 2005:11). Kesusasteraan juga adalah merupakan satu dari cabang kebudayaan secara total yang melambangkan sebahagian daripada ciri-ciri kehidupan sesuatu bangsa melalui pemikiran kreatif dalam bentuk prosa dan puisi (Mustafa haji Daud, 1992: 24-25). Kesusasteraan dikatakan sebagai satu dari cabang kebudayaan secara total sesuatu bangsa dan citra tamadun suatu masyarakat kerana seseorang



sasterawan atau karyawan merupakan seorang yang mahir dalam “disiplin-disiplin” yang disuarakannya. Ia boleh jadi seorang psikologis, sosiologis, politikus, pendidik, sejarawan ataupun saintis (Sahlan Mohd. Saman, 1984: 6).

Dalam pembentukan generasi Islam yang cemerlang dan berkualiti terasa semakin diperlukan untuk menghadapi cabaran semasa dan abad akan datang yang sering disebut oleh golongan sarjana Timur dan Barat sebagai abad bagi para penganut Islam membina kegemilangannya.

Usaha membina generasi Islam yang cemerlang dan berkualiti sebenarnya bermula daripada pembentukan sesebuah keluarga, masyarakat, bangsa, dan negara dengan ilmu dan pemikiran yang berdasarkan ajaran Islam yang syumul. Pembentukan



keluarga Islam yang cemerlang sewajarnya dimulai dengan usaha membentuk anak-anak, golongan remaja, dan keluarga beriman serta berakhhlak mulia. Pembinaan masyarakat yang berilmu dan berkeperibadian Islam sejati sebaiknya diperkuatkan dengan kisah-kisah dan contoh-contoh teladan daripada para Nabi, Rasulullah s.a.w., Khalifah Al-Rasyidin, tokoh-tokoh ulama dalam dan luar negeri yang jasa dan citranya harum sepanjang zaman.

Jihad membentuk generasi Islam yang berkualiti dan cemerlang boleh juga dimanfaatkan daripada aspek kesusasteraan dan kemanusiaan yang berupaya menumbuhkan benih-benih kehalusan jiwa, keinsafan hakiki, dan keredhaan Allah s.w.t. menerusi penciptaan hasil-hasil sastera. Kesusasteraan yang berunsurkan Islam merupaya meningkatkan tahap keimanan dan ketakwaan kepada Allah (Talib Samat, 2004: v-vi). Justeru itu, sebagai bangsa yang beragama Islam, maka kesusasteraan





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

yang bernilai Islamiah adalah wajar sekali diciptakan, terutama olah para sasterawan Islam itu sendiri (Mustafa Haji Daud, 1992: 24-25).

Menurut Ismail Ibrahim dalam Mana Sikana (1988: 54), dalam konteks sastera yang berunsurkan Islam, kesan yang seharusnya ditinggalkan oleh hasil-hasil karya itu mestilah kesan yang positif, dan dapat memberikan pandangan yang luas tentang hidup ini, iaitu tentang pengertian hidup dan tujuannya menurut pandangan Islam, mengapakah manusia ini diciptakan oleh Allah s.w.t, apakah matlamat hidupnya yang sebenar dan bagaimakah manusia ini harus bertindak dalam segala bidang hidupnya untuk mencari kebahagian, keamanan dan seterusnya. Karya sastera yang baik dan berkesan dapat memberikan satu pandangan yang luas tentang dasar Islam dalam menentukan satu cara hidup yang berpandukan kepada sistem nilai moral



05

kerohaniannya



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pengalaman-pengalaman manusia dalam hidupnya dapat dikemukakan oleh seorang seniman Islam dengan cara yang baik dan berkesan sekali. Kesan keislaman yang ditinggalkan oleh karya sastera itu pula mestilah dapat dijadikan ukuran sama ada karya itu karya yang berunsurkan Islam atau sebaliknya. Kesan keislaman yang dimaksudkan ialah kesan menyeluruh yang dapat dirasai oleh pembaca sesebuah karya itu dan pengaruh yang ditinggalkan oleh karya itu kepada pembaca. Pembaca juga dapat merasakan dan mendapat beberapa gambaran yang nyata, sama ada secara sedar atau sebaliknya tentang sesuatu nilai hidup yang berharga dan ukuran-ukuran perjalanan manusia yang pada keseluruhannya tunduk kepada kebenaran yang mutlak dan keadilan yang hakiki seperti yang digariskan oleh Islam. Pembaca karya berunsurkan Islam seharusnya akan dapat melihat dengan jelas liku-liku hidup yang



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



penuh dengan cabaran di sana sini sebagai ujian daripada Allah. Dalam masa yang sama juga akan dapat pula melihat bagaimana manusia ini seharusnya menjalani hidup mereka dan menghargai segala ujian dan cabaran itu dengan penuh bijaksana berpandukan ukuran-ukuran yang ditunjukkan kepada mereka oleh Islam dan dapat meneruskan hidup mereka dalam keredaan Allah dengan penuh restu dan nikmat.

Pembaca sebuah karya yang berunsurkan Islam, seharusnya berasa puas dan dapat menikmati karya itu dengan perasaan, hati serta fikirannya dan berasa amat terikat dengan karya itu dari awal hingga akhirnya. Ia akan berasa sesuatu yang indah dan menarik, sesuatu yang benar-benar dapat memberikan kenikmatan dan kelazatan kepada jiwanya, sehingga segala sesuatu yang dihidangkan di dalam karya itu akan benar-benar meresap ke dalam akal fikiran dan hati nuraninya. Dengan itu ‘risalah’



atau *message* yang hendak disampaikan oleh penulis akan mudah sekali diterima oleh pembaca dan akan mempengaruhinya dengan bersungguh-sungguh tanpa dipaksakan.

Seni sastera yang hanya dicipta kerana seni dan untuk seni semata-mata serta terbit dari pemikiran yang nisbi dan tiada kaitan dengan Islam tidak dapat disebut sebagai sastera Islam. Ia tidak berfungsi sosial. Ia lebih berfungsi individualisme. Dan kerana individualisme untuk individualisme maka ia tidak akan dapat lari dari rasa egoisme, kebongkakan, kesombongan yang bercanggah dengan Islam.

Oleh itu seni sastera yang dihasilkan oleh manusia kerana manusia dan untuk manusia serta tidak ada kaitan dengan Islam ciptaan Allah, juga tidak dapat disebut sebagai sastera berunsur Islam. Karya yang sedemikian lebih menonjolkan pemikiran manusia yang terbatas dayanya dan ini juga bercanggah dengan Islam. Hal ini





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

ditegaskan oleh Suhaimi Haji Muhammad (1988: 27), tujuan Sastera Islam walau ditulis dalam bentuk apapun, ialah untuk pengabdian kepada Allah s.w.t. Dari segi niat penulisannya, dari segi hasilnya, segalanya kerana Allah. Ini adalah prinsip penulisan Sastera Islam.

Ungkapan ‘untuk manusia’ dalam pengertian Sastera Islam adalah sastera kerana Allah berhikmah untuk manusia, kalau direnungi dalam-dalam lagi ternyata tidak perlu disebut. Cukup dengan kata-kata bahawa Sastera Islam adalah sastera kerana Allah kerana bila kita berbuat sesuatu kerana Allah maka dengan sendirinya kesan atau *effect* atau hikmahnya adalah untuk kesejahteraan dan kesentosaan kehidupan manusia sejagat (Shahnon Ahmad, 1981:2).



05-4506832



Menurut Ali Ahmad dan Siti Hajar Che' Man (1996:132), Penghasilan

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

kesusasteraan bercorak Islam di alam Melayu merupakan kesan langsung daripada perkembangan Islam di Nusantara. Perkembangan Islam turut membawa perubahan besar kepada amalan hidup masyarakat Melayu. Dalam perkembangan kesusasteraan, seluruh kesusasteraan Melayu yang terhasil dalam zaman Islam memperlihatkan beberapa ciri yang menarik. Pertamanya, hasil-hasil kesusasteraan tersebut bersumberkan atau dipengaruhi oleh kesusasteraan daripada masyarakat Islam yang lebih luas. Yang paling ketara ialah pewarisan dan pengaruh daripada sastera Islam Arab dan Parsi.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## 1.2 Latar Belakang Kajian

Sastera berunsur Islam adalah merupakan perakaman sastera yang kandungannya terdiri dari sesuatu yang mutlak, yakni sesuatu akidah, syariah dan rohnya selaras dengan al-Quran dan al-Hadis, yang mana kandungannya tidak berubah. Menurut S. Othman Kelantan, sastera berunsur Islam adalah bersumber daripada dua sumber utama iaitu al-Quran dan Hadis (1977: 9). Sebagai hasil sastera yang bercorak universal, al-Quran adalah unik kerana ia adalah satu-satunya prosa yang berunsurkan agama dan mempunyai keindahan puisi yang tidak ada tolok bandingnya di dunia (Mustafa Suhaimi, 1977: 8). Hal ini telah ditegaskan oleh H.M. Jajuli yang sependapat dengan S.Othman Kelantan yang menegaskan bahawa Al-Quran dan Hadis adalah merupakan sumber utama kepada kesusasteraan yang berunsurkan



05 Islam: Perkembangan Sastera Islam dalam zaman permulaannya berkisar kepada kebangkitan pengajaran-pengajaran dari Al-Quran dan Hadis. Justeru itu dalam pembinaan teks sastera berunsur Islam ciri-ciri, pemikiran dan juga pengajaran yang terkandung di dalamnya haruslah tidak menyimpang daripada dua sumber tersebut yang merupakan sumber utama dalam sastera berunsur Islam (1982: 59).

Menurut Md. Salleh Yaapar (1992: 67), dalam konteks kesusasteraan yang dihasilkan oleh sasterawan Islam pada tingkatnya yang unggul, kerinduan, ingatan dan pencarian kerohanian-kejiwaan seperti yang tersebut memang menjadi persoalan-persoalan pokok. Malah, kesemuanya itu turut menentukan ciri-ciri lain yang ikut memberi identiti kepada apa yang dikenal sebagai kesusasteraan Islam. Ciri-ciri ini, yang dapat juga dikesan pada karya-karya yang unggul, bersangkutan terutamanya dengan realiti yang diungkapkan, bahasa yang dihidupkan dan imej-imej dari alam





kebendaan yang digunakan. Kesusasteran berunsur Islam sentiasa mengungkapkan realiti atau kehidupan yang mempunyai hierarki sesuai dengan susun lapis peralatan kesedaran manusia itu sendiri yang terdiri daripada akal kulli atau penuh, akal juz'1 atau serpihan dan pancaindera. Kesusasteraan Islam berupaya meningkatkan tahap keimanan dan ketakwaan manusia kepada Allah s.w.t. (Talib Samat, 2004: 171).

Hal yang demikian oleh Mana Sikana (1983: 11) dijelaskan bahawa dalam pembinaan sastera berunsur Islam haruslah mempunyai ciri-ciri yang dapat mengarah kepada pembentukan moral. Jelasnya lagi, Nabi Muhammad dilahirkan untuk mewujudkan satu sistem masyarakat yang bermoral, sehingga Hegel, seorang pengkaji sejarah agama-agama dunia mengkategorikan Islam sebagai moral. Apa yang jelas dalam pembinaan teks sastera Islam ia memerlukan perancangannya



dimana ia akan dapat membentuk masyarakat yang bermoral ke arah *trend apa* yang dikehendaki oleh Islam.

Suasana kebangkitan Islam pada abad ke-15 Hijrah telah menyebabkan segala yang bernilai Islam diberi perhatian. Ini turut dirasakan di dalam karya-karya sastera yang berunsur Islam. Tahun 1970an hingga Disember 1983, terdapat lebih daripada tiga ratus artikel yang membincangkan tentang sastera berunsurkan Islam. Kesedaran yang wujud dalam tahun 1970an itu menghasilkan aktiviti-aktiviti sastera yang lain seperti peraduan mengarang yang berunsur Islam, anjuran berbagai-bagai pihak. Usaha ini patutlah diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak-pihak tertentu. Penerokaan kepada bidang ini bukanlah sekadar kepada pemikiran semata-mata, tetapi juga kepada bidang yang boleh menimbulkan kesedaran, keinsafan dan patuh kepada keseluruhan agama Islam. Sastera berunsur Islam adalah sastera yang





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

mengungkapkan kehidupan peribadi dan masyarakat Islam tulin, yang diciptakan kerana Allah s.w.t. dan mempunyai tujuan untuk menginterpretasikan dan memberi makna dalam kehidupan ini (Mana Sikana, 1976: 507).

Menurut Muhammad ‘Uthman El-Muhammady (1984: 87-88), dalam pembinaan teks kesusasteraan Islam haruslah ada ciri-ciri yang memelihara unsur-unsur tradisional untuk mengisyaratkan perhubungan dengan apa-apa yang baru dalam konteks alam yang dikawal oleh ‘tradisi’ dan juga ortodok dalam pengertiannya yang asli, tepat, baik untuk kehidupan individu dan juga masyarakat. Kesusasteraan Islam adalah merupakan pengembira dan pemberi bahagia serta penolak kedukaan serta dapat menarik mereka semakin ‘rapat’ kepada Tuhan dan kebenaran.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Shafie Abu Bakar menambah, dalam pembinaan teks sastera yang berunsurkan Islam ia haruslah berpaksikan kepada tauhid, lantaran falsafah ini adalah merentasi segala aspek dan ruang lingkup keilmuan Islam. Ini termasuklah amalan syariat dan nilai akhlak. Termasuk di bawah ruang lingkup ini ialah segala aspek keislaman yang menyelaras diri di dalam menegakkan falsafah tauhid ini, iaitu seperti sastera juga tidak boleh bercanggah dengan syariat dan nilai akhlak keislaman (1995: 75).

Justeru itu, ciri-ciri yang sepatutnya ada dalam pembinaan teks sastera berunsur Islam haruslah bertemakan tauhid, mempunyai plot perjalanan batiniah dan kata-kata yang mempunyai aturan-aturan semantis berdasarkan falsafah Islam. Di samping itu haruslah mempunyai makna lambang Islam untuk semua kata-kata dalam,



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

juga huruf-huruf yang mempunyai makna-makna dan akhirnya rima yang mengandungi makna lambang Islam (Lutfi Abas, 1977:17).

Di samping ciri-ciri, pemikiran sasterawan juga penting dalam pembinaan teks sastera berunsur Islam. Pemikiran adalah merupakan teras kepada tamadun sesuatu bangsa. Justeru itu ketinggian dan kemajuan tamadun sesuatu bangsa itu bergantung kepada kemampuan bangsa itu sendiri dalam mencetuskan pemikiran-pemikirannya. Hal ini menandaskan betapa pemikiran itu menjadi inti dan unsur paling dasar dalam kehidupan ini, terutamanya dalam memberi penyelesaian terhadap beberapa persoalan yang besar. Antara persoalan itu termasuklah hubungan manusia dengan kepercayaan beragama. Dalam konteks ini, hubungan pemikiran dengan nilai-nilai hidup yang lebih mujarad seperti keadilan, persamaan hak, kesempurnaan dan kesefahaman



05

tidaklah boleh dikesampingkan begitu sahaja. Tanpa nilai-nilai tersebut, sesuatu tamadun atau masyarakat tidak akan mantap, teguh, padu dan berkeperibadian.

Sehubungan dengan itu dalam pembinaan teks sastera berunsur Islam pemikiran penulis untuk menghasilkan sebuah karya yang benar-benar berunsurkan keislaman harus dipandang serius. Ini adalah kerana sastera yang bernafaskan nilai-nilai agama bukanlah sekadar untuk menghibur, menyukarkan atau memberikan kesenangan tetapi pada hakikatnya ialah untuk mengajak penganutnya kepada keadaan yang lebih harmonis dengan Tuhan (Pitrius, 1964:20).

Justeru, seni dan kepercayaan beragama dalam Islam tidak dapat dipisahkan tetapi seniman masih bebas berkarya mengikut lunas-lunas yang telah ditetapkan (Du R., Carel J., 1961:7). Dalam proses pengaliran sastera yang sampai kepada pembaca-



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



pembacanya telah berlaku perubahan yang amat kuat di dalam pemikiran dan kehidupan, iaitu pertukaran pemikiran dari kehidupan yang berdasarkan kepada wahyu yang mengembalikan insan kepada fitrahnya yang asal dan memerlukan kepada cahaya Ilahi untuk berubah kepada pencipta-Nya di sebaik-baik kedudukan.

Melalui karya sastera yang berunsur Islam sebenarnya terdapat ilham atau institusi yang datang daripada Allah untuk diamanahkan supaya sampai kepada makhluk lain. Untuk mendapatkan ilham yang indah, bermutu dan mencapai tahap kebenaran, penulisnya perlu menjalani proses penyucian jiwa (takziyah an nafs) yang serius, intensif, dan terarah sesuai dengan kehendak Islam. Atas dasar inilah menimbulkan kenyataan bahawa tidak diterima akal kiranya menganggap tidak ada hubungan antara karya dan penulisnya. Mereka yang tunduk dan patuh kepada peraturan Allah, harus menyesuaikan karyanya dengan nilai-nilai dan norma-norma yang ditentukan oleh Allah (Mohamad Kamal Hasan, 1980:12). Kenyataan ini dapat disokong kerana di mana-mana juga timbul lapangan ilmu seni sastera dan kemasyarakatan yang mempunyai hubungan dengan pemikiran keseluruhan kekuasaan Tuhan yang universal dan serba mempengaruhi.

Jelasnya, dalam pembinaan teks sastera berunsur Islam ia bukan sahaja bertujuan untuk menghibur atau memberi kesenangan kepada pembaca tetapi lebih daripada itu adalah untuk memberi pengajaran kepada khalayak. Ini kerana salah satu unsur penting dalam sastera yang berunsurkan Islam ialah pengajarannya dan ia adalah merupakan dasar dalam Islam itu sendiri. Hal ini tentu sekali yang menyangkut masalah aqidah, syariah dan tasawwuf dalam Islam. Justeru pembinaan sastera berunsur Islam bererti pembinaan insan yang menuju ke arah kebaikan dan





kesempurnaan yang direhui Allah. Kesan kebenaran yang ditinggalkan oleh sastera berunsur Islam adalah merupakan kesan didaktik dan mistik yang lebih menghampirkan manusia kepada pencipta-Nya dan menampakkan keindahan dan kebenaran yang hakiki. Kesan-kesan yang berunsur hiburan nafsu semata-mata adalah ditolak oleh sesuatu pengucapan seni Islam, termasuk karya sastera berunsur Islam.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Seiringan dengan perkembangan sastera yang berunsur Islam dan sufi maka banyaklah novel-novel yang berunsur Islam telah dihasilkan oleh para pengkarya. Barangkali sesuai dengan zaman kebangkitan Islam, ramai sasterawan baik di



Malaysia, Indonesia maupun Singapura sudah mulai kembali menghayati karya-karya sastera yang berunsur Islam dan sufi. Shahnon Ahmad adalah merupakan antara sasterawan di Malaysia yang telah banyak menghasilkan karya-karya novel yang berunsurkan Islam. Salah satu novel besarnya yang menerapkan unsur-unsur Islam adalah bertajuk *Mahabbah*. Di Indonesia Habiburrahman El- Shirazy dengan novelnya yang tersohor iaitu *Ayat-ayat Cinta* manakala di Singapura seperti Suratman Markasan dengan novelnya *Dunia Bukan Kita Punya*.

Setakat ini belum ada satu kajian baik diperingkat Doktor Falsafah maupun peringkat Sarjana yang melakukan penyelidikan dan juga kajian mengenai menerapan unsur-unsur Islam terhadap ketiga-tiga buah novel kajian tersebut. Pun begitu satu kajian lengkap tentang kepengarangan Islam yang menunjang kepada keunggulan karya teks sastera berunsur Islam belum pernah dijalankan. Kajian ini diharap dapat





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

menemukan penerapan unsur-unsur Islam dalam ketiga-tiga buah novel kajian dengan menggunakan Teori Taabudiyah yang mencirikan soal aqidah, syariah dan tasawwuf. Selain itu pengkaji juga mengharapkan dengan bersandarkan kepada Teori Teksdealisme akan dapat memperjelas apakah ciri-ciri karya sastera berunsur Islam yang unggul. Diharapkan melalui penggunaan kedua-dua teori yang disebutkan tadi akan dapat menjawap permasalahan kajian yang dijalankan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Kajian ini dilakukan adalah untuk:

- i. Membuktikan adanya penerapan unsur-unsur Islam dalam novel-novel
- ii. Membuktikan penerapan unsur-unsur Islam yang telah dilakukan oleh pengarang selaras dengan prinsip-prinsip Teori Taabudiyah.
- iii. Menilai sejauh mana keunggulan karya-karya berunsur Islam berdasarkan kepada Teori Teksdealisme.

#### **1.5 Soalan Kajian**

Dalam perkembangan pengkaryaan novel-novel di Alam Melayu, khususnya di Malaysia, Indonesia dan Singapura, selaras dengan perkembangan sastera Islam, banyak penulis yang telah menerjunkan diri dalam bidang ini. Di Malaysia antaranya ialah Shahnnon Ahmad, di Indonesia Habiburrahman El-Shirazy manakala di



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Singapura Suratman Markasan. Justeru itu persoalan utama kajian ini ialah untuk melihat:

- i. Apakah pengarang ketiga-tiga buah novel kajian telah memenuhi persyaratan penulisan karya sastera berunsur Islam berdasarkan Teori Taabudiyah.
- ii. Adakah Teori Teksdealisme dapat membantu penghasilan karya sastera berunsur Islam yang unggul.
- iii. Apakah ciri keunggulan kepengarangan pengarang Islam dalam penghasilkan karya-karya berunsur Islam

## 1.6 Batasan Kajian



Kajian ini akan menggunakan tiga buah novel daripada tiga buah negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Singapura. Ini bererti dari setiap negara pengkaji hanya memilih sebuah novel sahaja. Novel yang dipilih ialah *Mahabbah* karya Shahnون Ahmad dari Malaysia, *Ayat-ayat Cinta* karya Habiburrahman El Shirazy dari Indonesia dan *Dunia Bukan Kita Punya* karya Suratman Markasan dari Singapura. Pengkaji memilih tiga buah novel tersebut sebagai novel kajian kerana ketiga-tiga novel kajian tersebut mempunyai kekuatan unsur-unsur Islamnya. Di samping itu pengkaji memilih ketiga-tiga buah novel tersebut sebagai kajian tesis/disertasi ini kerana belum ada satu kajian lengkap terhadap ketiga-tiga buah novel tersebut yang bersandarkan kepada Teori Taabudiyah dan Teori Teksdealisme. Selain itu pengkaji memilih novel-novel tersebut sebagai sumber kanjian kerana ketiga-tiga buah novel kajian ini telah dihasilkan oleh pengarang-pengarang yang sentiasa gigih dalam





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

memperjuangkan karya-karya yang berunsurkan Islam dan memperjuangkan media dakwah melalui karya-karya mereka.

### **1.7 Kepentingan Kajian**

Kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan berguna secara amnya kepada pelbagai pihak seperti pengkarya sastera, pencinta sastera, para pelajar di institusi pengajian tinggi, para penyelidik dan pihak yang terlibat dalam penerbitan dan pendidikan. Selain daripada itu kajian ini juga penting sebagai :-

- i. Petunjuk bagi mengenali apa itu sastera berunsur Islam
- ii. Garis panduan kepada penulis dan pembaca tentang konsep sebenar sastera berunsur Islam
- iii. Panduan kepada khalayak untuk memahami prinsip-prinsip Teori Taabudiyah dan Teori Teksdealisme serta mengaplikasikannya dalam usaha melahirkan karya-karya sastera berunsur Islam yang unggul

### **1.8 Kaedah Kajian**

Dalam usaha menyiapkan kajian ini, pengkaji akan menggunakan dua kaedah kajian iaitu kaedah kajian Kepustakaan dan analisis kandungan teks yang bersifat deskriptif. Kaedah-kaedah ini dipilih kerana kajian secara keseluruhan dan isi karya atau teks novel akan dianalisis dan dibincangkan secara deskriptif.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



### 1.8.1 Kaedah Kajian Kepustakaan

Kaedah kajian kepustakaan akan melibatkan aktiviti membuat rujukan, pembacaan dan pengumpulan bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Sumber utama yang bakal digunakan banyak terdapat dalam bentuk bertulis seperti buku, majalah, jurnal, akhbar, kertas-kertas kerja seminar dan latihan ilmiah, desertasi dan tesis serta bahan-bahan maya yang pembicaranya berkaitan dengan tajuk kajian.

Buku-buku ilmiah, sama ada dari barat atau tempatan, yang membincarkan tentang perkembangan sastera, perkembangan novel-novel Melayu, teori-teori dan kritikan sastera Melayu, teori-teori sastera yang berunsur Islam serta kritikan sastera berunsur Islam akan dirujuk. Segala maklumat yang dikumpul akan dapat digunakan



konsepsi serta kerangka teoritikal yang akan dibina nanti.

Antara perpustakaan yang akan menjadi sumber dalam proses kajian ini ialah Perpustakaan Tun Seri Lanang, Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia. Juga pengkaji akan menggunakan Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur, Perpustakaan Institut Pendidikan Guru, Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor, selain daripada perpustakaan di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim itu sendiri.

Di samping itu sumber-sumber rujukan yang bersesuaian akan digunakan semaksimumnya oleh pengkaji khasnya dalam pengkajian subjek kajian. Pengkaji





juga akan dapat mengutip sebanyak mungkin maklumat yang bertepatan dan bersesuaian untuk menyokong kajian dan sebagai sumber rujukan. Kajian kepustakaan juga membolehkan pengkaji merujuk kajian-kajian lepas yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji sebelumnya supaya dapat menjadi panduan dalam menyiapkan tesis/disertasi ini.

### **1.8.2 Kaedah Analisis Kandungan Teks**

Pengkaji akan menggunakan Kaedah Analisis Kandungan Teks secara deskriptif ketika membuat analisis isi karya ke atas setiap novel kajian. Kajian secara eksplisit juga akan dilakukan atas kesedaran bahawa elemen-elemen yang membentuk



bertemakan keislaman. Selain daripada novel-novel kajian, novel-novel yang berunsurkan Islam juga akan menjadi bahan sumber dan juga sebagai perbandingan dalam kajian ini.

Kajian akan didahului dengan bacaan novel-novel pilihan secara santai sambil mencungkil aspek-aspek luaran seperti nilai-nilai murni dan kemasyarakatan yang terdapat di dalamnya dengan menjurus kepada penerapan nilai-nilai keislamannya. Seterusnya kerangka konsep Islami akan digunakan sebagai panduan untuk mengenalpasti unsur-unsur Islam dalam novel-novel tersebut. Aspek kajian dari sudut sastera yang merangkumi aspek dalaman menjurus hanya kepada tema, watak dan perwatakan serta bahasa akan dikaji. Penelitian, interpretasi dan rumusan daripada pembacaan akan digunakan dalam laporan dapatan kajian ini kelak.





## 1.9 Teori Kajian

Kajian ini adalah bersandarkan kepada dua teori yang telah diasaskan oleh Mana Sikana iaitu Teori Taabudiyah dan Teori Teksdealisme. Tekdealisme ialah rangkuman daripada dua kosa kata iaitu ‘teks’ dan ‘idealisme’ yang membawa maksud teks atau karya yang ideal atau unggul. Teori Teksdealisme bertitik tolak daripada premis bahawa setiap pengarang mempunyai hasrat untuk mencapai suatu tahap keunggulan dalam penciptaan karya-karyanya. Oleh itu, seseorang pengarang akan berusaha dengan bakat, kebolehan, daya intelektual dan ketramplinya bagi menghasilkan karya yang bermutu dan lebih baik. Pengarang juga dituntut mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan dalam menghasilkan teks yang unggul. Apabila karyanya diiktiraf sebagai unggul, pengarangnya turut mencapai tahap unggul. Mana



Sikana (2006: 27), menyatakan bahawa “...untuk sampai ke sebuah teks yang unggul, pengarang dituntut mempunyai sifat keberanian dan kebijaksanaan”. Keberanian merujuk pada sifat berani dalam mengemukakan sesuatu idea dan pemikiran baru serta bersedia untuk membuat inovasi dan pembeharuan. Keberanian terjelma dalam keseluruhan struktur teks supaya komponen teks mempunyai kekuatan dan bernilai tinggi. Kebijaksanaan pula merujuk pada sifat yang mendorong kerja-kerja menyiapkan teks dan usaha ini dilakukan dengan penuh kesedaran dan bergerak dalam landasan ilmu. Tanpa keberanian dan kebijaksanaan, teks-teks yang terhasil tidak akan dapat menjadi teks yang unggul.

Keunggulan bermakna mempunyai nilai yang tinggi, luar biasa, cemerlang dan memiliki kekuatan untuk bertahan dalam ujian masa dan zaman. Keunggulan juga bererti membawa budaya sastera ke suatu tahap yang tinggi baik di peringkat





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

kebangsaan juga antarabangsa (Mana Sikana, 2006: 73). Berdasarkan teori teksdealisme, sesuatu karya dianggap unggul apabila wujud kehadiran, berlakunya perlanggaran, mantapnya pengukuhan dan terciptanya individualisme seseorang pengarang.

Menurut Mana Sikana (2007: 495), "... Teori Teksdealisme atau teori keunggulan mendefinisikan teks sebagai susunan idea dan pengalaman yang mengandungi makna yang berlapis-lapis. Sifat-sifat keunggulan ini merujuk kepada sifat berani dan bijaksana seseorang pengarang dalam mengemukakan idea dan pengalaman yang telah diperolehnya. Idea dan pengalaman tersebut juga hendaklah sentiasa menggambarkan pembaharuan agar dapat memberikan makna yang baru dan seterusnya menghasilkan karya yang memperlihatkan mutu dan keunggulan.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Pengarang harus berani melahirkan teks sebagai demonstrasi intelektualisme dan mengaplikasikan konstruktif epistemologisme yang berhubung dengan metafizika dan falsafah. Kerja mengarang bukan sahaja memaparkan kisah manusia tetapi turut merangkumi jiwa, roh dan batin yang menyangkut pada akliah logik yang membawa pemikiran khalayak mendasari ke dasar masalah. Usaha-usaha pengarang mencernakan teks akhirnya membawa pada keunggulan (Mana Sikana, 2006: 19). Empat prinsip teori teksdealisme ialah kehadiran, perlanggaran, pengukuhan dan individualisme. Keempat-empat prinsip ini akan dapat menggambarkan keunggulan pengarang sepangjang terlibat dalam dunia penulisan.

Di samping menggunakan Teori Teksdealisme pengkaji juga akan menggunakan Teori Taabudiyah atau disebut juga teori Sastera Islam Pengabdian.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi